

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 3/2005**

---

---

Tarikh : 21 Julai 2005  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

***Yang Hadir***

Putri Saniah Megat Abd. Rahman ( <i>Pengerusi</i> )	(kpustaka@pkriscc.ukm.my)
Akiza Roswati Abdullah : KUKTEM	(akiza@kuktem.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Hani Liza Norfin : UiTM ( <i>wakil</i> )	(masnah619@salam.uitm.edu.my)
Hasdarinar Abdul Jalal : KUKUM ( <i>wakil</i> )	(lbfan@kukum.edu.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Katrun Nada Hashim : MINT	(katrunada@mint.gov.my)
Lela Ruzma Mohd Shaari : UKM	(lela@pkriscc.ukm.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Mohamed Zaid Mohamed Idris : UPSI	(zaididris@upsi.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Norain Ahmad Kamil : NPC ( <i>wakil</i> )	(norain@npc.org.my)
Noraini Mukhtar : UIAM	(mnoraini@iiu.edu.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rapeaah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Sabaruddin Mamat : UMS	(sbruddin@ums.edu.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Sharipah Hanom Bidin : OUM	(sharipah@unitem.edu.my)
Shukra Shuib : UUM	(shukra@uum.edu.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Tusiman Mingun : UKM	(tusiman@pkriscc.ukm.my)
Wan Kartini Wan Sulaiman : UPSI	(wankartini@upsi.edu.my)
Hafsah Mohd : UKM ( <i>Setiausaha</i> )	(hafsaah@pkriscc.ukm.my)

***Tidak Hadir Dengan Kenyataan***

Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Anuar Talib : UTM	(anuar@mel.psz.utm.my)
Haslinda Hj. Kassim : PNM	(bru@pnm.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Nor Asiah Mohamad : UKM	(nor@pkriscc.ukm.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)

## ***Turut Hadir:***

Dzul Zubarrod Ahmad : KUKTEM

Suzana Zahid : KUKTEM

### **1.0 PENDAHULUAN**

1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:

- Senarai Induk Jurnal
- Isu langganan PDK ScienceDirect
- Hal-hal berbangkit

### **2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 2 /2005**

Minit Mesyuarat Bil. 2/2005 disahkan tanpa sebarang pindaan.

### **3.0 SENARAI INDUK JURNAL**

3.1 Wakil KUKTEM telah menunjukkan projek senarai induk jurnal (SIJ) yang dibangunkan dan masih di peringkat percubaan lagi. Cadangan penambahbaikan dari ahli mesyuarat adalah seperti berikut:

- a. Pencarian tidak dihadkan kepada satu universiti sahaja. Perkataan 'AND' ditukar kepada 'ALL'
- b. Alamat e-mel yang boleh dihubungi termasuk staf di Bahagian Jurnal dan SPP (Sistem Pembekalan Penerbitan)
- c. Adakan *drop down menu* bagi jenis bahan (*Type of material*)
- d. Adakan *drop down menu* bagi kekerapan bahan (*Frequency*)
- e. Adakan *drop down menu* bagi format bahan
- f. Adakan butang *Next* dan *Previous*
- g. Maklumat boleh dimasukkan dalam huruf besar atau kecil

3.2 Wakil KUKTEM memaklumkan bahawa maklumat yang dimasukkan hendaklah di dalam format *doc.txt*. Kemampuan server di KUKTEM agak terhad dan kemungkinan tidak akan dapat menampung maklumat senarai jurnal dari semua universiti

3.3 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel bagi membincangkan masalah yang dihadapi. 5 rekod percubaan dari beberapa institusi (UKM, UIAM, UPM, UNITEN, MMU, USM, UM, UITM, OUM) akan dimasukkan.

**Tindakan: Wakil KUKTEM & institusi terlibat**

- 3.4 Mesyuarat merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak KUKTEM yang telah bersetuju menyediakan pangkalan data Senarai Induk Jurnal (SIJ).
- 3.5 Mesyuarat bersetuju untuk meninjau 3 perisian lain sebagai alternatif bagi pembinaan pangkalan data SIJ:
  - a. Ebscohost A to Z
  - b. Serials Solutions
  - c. Projek NUC (National Union Catalog) yang diselaraskan oleh PNM

#### 4.0 ISU LANGGANAN SCIENCEDIRECT

- 4.1 Perbincangan 15 orang wakil JK PDK serta Ketua Pustakawan ULAM dan UiTM dengan wakil ScienceDirect (SD) telah diadakan pada 13/7/05 jam 3.00-6.30 petang di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur.
- 4.2 Perbincangan adalah berdasarkan isu-isu yang telah dikemukakan dalam surat Pengerusi JK PDK kepada pihak SD. Isu-isu tersebut adalah hasil dari perbincangan JK PDK di MMU, Cyberjaya pada bulan Disember 2004. Ringkasan hasil perbincangan adalah seperti dalam surat Pengerusi kepada SD bertarikh 14 Mac 2005 yang telah disalinkan kepada semua ahli JK PDK.
  - a. *Price Cap*

Wakil SD akan semak dengan pihak pengurusan sama ada *price cap* boleh dikekalkan kepada 5% bagi kontrak setahun
  - b. *Content Fees*

Wakil SD tidak setuju untuk mengecualikan *content fees* bagi langganan e-format. Namun begitu 10% diskaun dari harga jurnal bercetak akan diberikan
  - c. *Freedom Collection*
    - *Freedom collection* – 1800 judul jurnal –USD2.4 juta
    - *Subject collection* – USD7,500 per pakej bagi tahun 2005
    - Kos langganan pemilihan judul tertentu adalah lebih mahal dari kos pakej *freedom collection*
    - Wakil SD akan semak dengan pihak pengurusan sama ada judul-judul dalam *freedom collection* boleh dikurangkan langganan kepada 50%
  - d. *Transaction fee*
    - Tidak akan dikenakan -- sistem tidak akan diaktifkan
  - e. Tempoh pembayaran
    - Tempoh ditukar dari 30 hari kepada 60 hari
  - f. *Terms and termination*
    - Kertas cadangan pembaharuan langganan akan dimajukan oleh pihak SD kepada institusi yang melanggan pada 15 Ogos dan pengesahan pembaharuan langganan dari institusi berkenaan pada 15 Disember.

- Notis akan diberikan sebelum pengaksesan ditamatkan
- g. *Archival*
- Bahan arkib tidak akan dikenakan caj USD5000
- h. *Governing Law*
- Nama negara tidak akan dicatatkan. Sebarang tindakan perundangan akan diselesaikan di mahkamah negara itu sendiri
- i. *Recommendations*
- Pihak SD membenarkan SPP (Sistem Pembekalan Penerbitan)
  - Pihak SD bersetuju untuk mengadakan *user group*
  - Cadangan yang lain tidak dipersetujui oleh pihak SD
  - Pihak SD akan meringkaskan surat perjanjian dari 11 muka surat kepada 4 muka surat.
- 4.3 Mesyuarat bersetuju untuk mengkaji semula strategi langganan SD pada masa akan datang. Pengerusi mencadangkan supaya setiap institusi mengenal pasti *subject collection* yang berkaitan untuk dilanggan dan menggunakan perkhidmatan SPP bagi *subject collection* yang tidak dilanggan. Terdapat 26 *subject collection* dan kos setiap satu dijangka USD9000 bagi tahun 2006.

## 5.0 HAL-HAL LAIN

### 5.1 Bengkel E-Metrics

Mrs. Martha bersetuju untuk menjadi fasilitator. Mesyuarat bersetuju untuk memohon peruntukan dari US Embassy. Alternatif lain, mesyuarat juga mencadangkan beliau dijemput untuk mengendalikan bengkel e-Metrics semasa Persidangan Perpustakaan Digital 2006.

#### **Tindakan: Sekretariat JK PDK**

### 5.2 Konsortium – COMLIB

Kertas Cadangan tidak dapat di bawa ke Mesyuarat Naib Canselor oleh kerana Pengerusi baru Mesyuarat Naib Canselor belum disahkan lagi. Sebagai alternatif, kertas cadangan akan dimajukan kepada Pengerusi METEOR. Pihak MASTIC juga telah bersetuju untuk memberikan kerjasama dalam penubuhan COMLIB dan Pengerusi akan berbincang dengan pihak MASTIC. Model Konsortium di Korea boleh dijadikan sebagai contoh.

### 5.3 Pengerusi memaklumkan beberapa usul yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat PERPUN pada 30/6/05 di UMS:

- a. Menyediakan buku panduan induk yang menyenaraikan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di setiap perpustakaan (PERPUN). Buku akan dilancarkan pada akhir tahun.

- b. Pelajar IPTA boleh menggunakan kad metrik untuk masuk ke perpustakaan IPTA lain kecuali UM dan USM di mana surat masih diperlukan.
  - c. Pelajar IPTA boleh mengakses PDK yang dilanggan oleh IPTA lain di perpustakaan berkenaan.
  - d. Projek Portal Tesis akan diselaraskan oleh MMU dengan menggunakan perisian *Open Source*. Maklumat metadata dan abstrak akan dimasukkan.
- 5.4 Wakil Emerald belum lagi memajukan surat perjanjian yang baru bagi tahun 2006-2008. Perbincangan dengan ahli JK PDK telah dijalankan dalam mesyuarat JK PDK 2/2005.
- 5.5 Mesyuarat belum bercadang untuk menubuhkan Konsortium BSI (British Standard International) yang dikemukakan oleh pihak United Technology. Sehingga kini hanya UiTM telah melanggan BSI.
- 5.6 Wakil PDK Serials Solution (Miss Jennifer dari Proquest) telah memberikan taklimat ringkas dan seterusnya menunjukkan demonstrasi
- 5.7 Wakil IOP (Institute Of Physics), Mr. Patrick Doogue telah memberikan taklimat berkaitan Konsortium IOP bagi tahun 2006-2008. Beliau akan memajukan surat perjanjian berdasarkan perbincangan yang telah dibuat dengan ahli JK PDK.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang*  
*UKM Bangi*  
26/7/2005

HM/fmn